

CCCC pulang sebahagian RM3.1 bilion

> Bayaran pendahuluan dibuat kerajaan untuk Fasa 2 projek

Oleh Wan Faizal Ismayatim dan Mahanum Abdul Azlz
bhnews@bh.com.my

China Communications Construction Company Ltd (CCCC) bersetuju memulangkan sebahagian daripada RM3.1 bilion bayaran pendahuluan dibuat kerajaan untuk Fasa 2 Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Landasan Berkembar dan Jajaran Utara berdasarkan kontrak asal.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, daripada jumlah itu, RM500 juta akan dibayar balik dalam tempoh seminggu dari 12 April ini dan RM500 juta lagi dalam tempoh sebulan dari 12 April ini.

“Baki akan diselesaikan dalam tempoh tiga bulan selepas potongan untuk tuntutan diserahkan akibat kerja terbantu, penggantungan dan pembatalan Jajaran Utara,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, mengikut perjanjian asal ECRL, jumlah kos projek ialah RM66.7 bilion dengan jumlah pinjaman dari China-EXIM Bank, iaitu 85 peratus daripada kos projek, berjumlah RM56.7 bilion.

Katanya, di bawah kerajaan lalu, jumlah semasa yang ditandatangani dengan China-EXIM Bank adalah RM39.1 bilion untuk Fasa 1 sahaja, manakala baki RM17.6 bilion untuk Fasa 2, manakala untuk Jajaran Utara masih belum ditandatangani.

“Dengan perjanjian baharu ECRL pada kos RM44 bilion, jumlah pinjaman dari China-EXIM akan dikurangkan dengan ketara.

“Jumlah itu masih dirundingkan dan kita membayangkan ini akan membawa pengurangan beban kewangan kerajaan dari segi jumlah bayaran balik, kos faedah dan yuran lain,” katanya.

Projek ECRL dijangka akan dimulakan pada Mei ini dan dijadualkan siap pada 31 Disember 2026 berbanding jadual asal, 30 Jun 2024.

Dengan perjanjian baharu ECRL pada kos RM44 bilion, jumlah pinjaman dari China-EXIM akan dikurangkan dengan ketara”

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri



Susulan kejayaan menandatangani Perjanjian Tambahan (SA) itu, kerajaan juga akan mengambil peluang untuk berunding dengan China untuk membeli lebih banyak minyak sawit dari Malaysia.

Dua negara setuju bentuk syarikat usaha sama

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, Malaysia dan China juga bersetuju membentuk syarikat usaha sama untuk mengurus, mengendali dan menyelenggara rangkaian rel ECRL.

Katanya, ia susulan Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRLSB) dan CCCC menandatangani Perjanjian Tambahan (SA) pada Jumaat lalu, membuka jalan bagi pemulihan projek ECRL.

Beliau berkata, Perjanjian Tambahan (SA) kepada Kontrak Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan dan Pentaullahan (EPCC) merangkumi Fasa 1 dan 2 dengan kos yang dikurangkan sebanyak RM44 bilion.

“Ini pengurangan ketara sebanyak RM21.5 bilion atau 32.8 peratus daripada kos asal iaitu RM65.5 bilion.

“ECRL (dengan perjanjian baharu) lebih baik ini akan menelan kos pembinaan RM68.7 juta bagi

setiap kilometer (km) berbanding RM95.5 juta setiap km mengikut perjanjian asal,” katanya.

Jajaran baharu ECRL akan melalui 20 stesen dari Kota Bharu ke Kuala Terengganu, Kuantan, Mentakab dan melalui Jelebu, Bangi/Kajang, Putrajaya Sentral dan ke Pelabuhan Klang.

Ia akan melalui lima negeri dan Putrajaya berbanding empat sebelum ini, yang akan membolehkan lebih banyak negeri memperoleh manfaat limpahan ekonomi.

Perdana Menteri berkata, Jajaran Selatan akan menyediakan laluan darat langsung dari Pelabuhan Kuantan ke Pelabuhan Klang dan menjadi jambatan darat antara kedua-dua pelabuhan.

“Jajaran baharu ini akan memanfaatkan KLIA Express Rail Link (ERL) sedia ada serta MRT2 SSP line yang dalam pembinaan, dengan stesen pertukaran di Putrajaya Sentral,” katanya.

Beliau berkata, penyelarasan baharu laluan ECRL juga memberi keutamaan kepada faktor kebudayaan, warisan dan persekitaran dengan mengelak Klang Gate Quarts Ridge di Gombak, Selangor, iaitu permatang kuartz terpanjang di dunia.